

Kos selenggara saliran RM1j

» Projek naik taraf sistem perparitan, atasi banjir kilat

Oleh Hamid Karim
bhnews@bharian.com.my

► Klang

Kerja menyelenggara parit di Kampung Baru Dua, di sini, yang dipenuhi rumput akan dilaksanakan secepat mungkin selepas Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri meluluskan peruntukan RM1 juta.

Jurutera Daerah JPS, Khairul Adzim Saadon, berkata kerja penyelenggaraan itu turut memabitkan sambungan parit sepanjang tiga kilometer di beberapa kampung berdekatan dan diharapkan mampu mengatasi masalah banjir kilat di kawasan sekitar.

Keluar arahan

Katanya, JPS sentiasa memandang serius sistem perparitan dan kerja penyelenggaraan secara berkala, kerana ia menjadi sebahagian tanggungjawab asas pihaknya demi kepentingan masyarakat.

Beliau yang melawat sendiri

“**Banyak faktor lain sebenarnya menjadi penyumbang kepada banjir kilat termasuk kedudukan tanah dan jalan sedia ada**”

Khairul Adzim Saadon,
Jurutera daerah JPS

napun, banyak faktor lain sebenarnya menjadi penyumbang kepada banjir kilat termasuk kedudukan tanah dan jalan sedia ada,” katanya.

keadaan parit berkeadaan selepas dihubungi *BH Sentral*, baru-baru ini, berkata arahan sudah dikeluarkan bagi kerja awal seperti membersihkan parit berkenaan bagi mengelak keadaan menjadi lebih buruk.

“Kerja ini turut memabitkan parit yang bersambung dengan anggaran jarak sehingga tiga kilometer. Bagaima-

napun, banyak faktor lain sebenarnya menjadi penyumbang kepada banjir kilat termasuk kedudukan tanah dan jalan sedia ada,” katanya.



Parit di Kampung Baru Dua dan boleh **mengundang masalah** ketika hujan lebat.

[FOTO HAMID KARIM/BH]

Khairul yang ditemani beberapa pegawainya turut berbilang dengan Ketua Kampung, Solehan Tahir dan imam surau Al-Idrisiah, Yahaya Abdullah dalam lawatan itu, bagi mendapatkan pandangan serta memberi penjelasan mengenai usaha terkini pihaknya.

Rabu lalu, *BH Sentral* melaporkan rungutan penduduk di Kampung Baru Dua yang mendakwa parit utama di kampung mereka tidak diselenggara lebih setahun, menyebabkan aliran air tersekat dan beberapa kediaman di kawasan rendah dinaiki air selepas hujan lebat.

Malah, sebahagian penduduk yang terlalu bimbang terpaksa mengambil inisiatif sendiri meracun rumput liar yang melebihi dua meter bagi

mengelak aliran air daripada terus tersekat.

Naik taraf parit

Penduduk juga berharap parit sedia ada dinaik taraf dengan menggantikannya parit konkrit seperti dilaksanakan di beberapa kawasan berdekatan.

Sementara itu, Solehan yang berterima kasih atas keprihatinan Khairul turun padang meminta beberapa sistem perparitan lain yang boleh menyumbang banjir kilat turut diberi perhatian.

Beliau mengakui kedudukan tanah yang rendah bagi sesetengah kediaman menyebabkan penduduk sentiasa bimbang diancam banjir kilat terutama ketika keadaan cuaca semakin tidak menentu kebelakangan ini.